

Kaji had kifayah zakat – Lzs

KUALA LANGAT – Lembaga Zakat Selangor (Lzs) bersedia membuat penilaian semula had kifayah zakat bagi menentukan garis kecukupan seseorang dalam penentuan asnaf.

Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Lzs, Md. Yusmizan Yusuf berkata, pihaknya prihatin dengan keadaan ekonomi semasa rakyat yang menghadapi kenaikan kos hidup dan kejatuhan nilai ringgit berbanding mata wang dolar Amerika Syarikat.

"Pada masa ini, had kifayah semasa di negeri ini berjumlah RM2,990 setiap keluarga yang

baharu diumumkan tahun ini. Ia berdasarkan kajian dua tahun lepas.

"Untuk terkini, kami tengah dalam kajian untuk had kifayah yang baharu sebab semakan akan dibuat Lzs setiap tiga tahun dengan mengambil kira kos sara hidup dan keadaan ekonomi semasa.

"Had kifayah yang baharu tersebut dijadualkan siap pada tahun depan, katanya.

Beliau berkata demikian pada program Bantuan Khas Keperluan Hidup yang disempurnakan oleh Orang Besar Daerah Kuala

Langat, Datuk Mohamed Al haj Tengku Harun dan Ketua Pegawai Operasi Lzs, Ahmad Fadhil Hassan di Masjid Al-Falah Jenjarom di sini semalam.

Mengulas mengenai program tersebut, beliau berkata, Lzs mengagihkan RM34.25 juta bagi membantu 68,500 asnaf fakir, miskin dan mualaf seluruh negeri ini.

Ujarnya, agihan zakat ini merupakan pemberian tambahan kepada bantuan sedia ada yang diterima asnaf bertujuan membantu perbelanjaan isi rumah berikutan kenaikan harga barang.

KOSMO 11/11/2023
8/11/2023



MOHAMED AL HAJ (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada penerima disaksikan Md. Yusmizan (dua dari kiri) dan Ahmad Fadhlil (dua dari kanan) di Kuala Langat semalam.